

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SHAMSUL ISKANDAR BIN MOHD AKIN
[BUKIT KATIL]
TARIKH : 9 JUN 2014
SOALAN :

Tuan Shamsul Iskandar bin Mohd Akin [Bukit Katil] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan secara terperinci jumlah Pegawai Perubatan (Doktor) yang diperuntukkan di dalam penjara seluruh Malaysia serta apakah mereka ini dipilih secara kontrak atau tetap dan mempunyai lesen amalan perubatan yang sah.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Disember 2013, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menempatkan seramai 2 orang Pegawai Perubatan lantikan tetap di penjara Kajang. Selain itu, KKM juga turut menempatkan 39 orang Penolong Pegawai Perubatan di penjara-penjara di seluruh Negara.